



NUR SYAZWANI BINTI HAJI MD SUIF &
HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL

Pemerintah Wanita Kesultanan Melayu (Abad ke-17 Masihi): Tinjauan Reformasi dalam Pentadbiran dan Undang-undang

ABSTRAKSI: Sorotan perbincangan makalah ini mengarah kepada wanita dari kalangan golongan pemerintah Alam Melayu tradisional, yang telah melakukan reformasi pentadbiran dan penggubalan undang-undang, seperti yang dilakukan oleh Kesultanan Aceh di Sumatera, Bone di Sulawesi Selatan, dan Patani di Siam Selatan. Penggubalan dan pembaharuan undang-undang dibuat bagi membela kaum wanita daripada tertindas oleh kaum lelaki akibat daripada kes-kes rumahtangga. Peranan raja wanita dalam menggubal dan membarui undang-undang juga dapat dilihat sebagaimana yang dimainkan oleh Sultanah di Aceh, Ratu di Bone, dan Ratu di Patani. Hatta, undang-undang di Patani ini menekankan kepentingan keselamatan dan pemantauan kegiatan perdagangan akibat pertikaian antara pedagang Belanda dan British. Dengan itu jelaslah bahawa reformasi pentadbiran dan undang-undang bukan sahaja dilakukan oleh pemerintah lelaki di Alam Melayu, tetapi juga telah dibuat oleh pemerintah-pemerintah wanita Alam Melayu sebagaimana yang dilakukan di Aceh, Bone, dan Patani.

KATA KUNCI: Reformasi; Undang-Undang; Pentadbiran; Sultanah; Kuasa dan Wilayah.

ABSTRACT: "Female Rulers of the Malay Sultanate (17th Century AD): A Review of Reforms in Administration and Law". The focus of this paper is on women from among the traditional Malay rulers, who have carried out administrative reforms and lawmaking, as done by the Aceh Sultanate in Sumatra, Bone in South Sulawesi, and Patani in South Siam. The drafting and reform of laws were made to protect women from being oppressed by men as a result of domestic cases. The role of female kings in drafting and reforming laws can also be seen as played by the Sultanah in Aceh, the Queen in Bone, and the Queen in Patani. Moreover, the laws in Patani emphasized the importance of security and monitoring trade activities due to disputes between Dutch and British traders. Thus, it is clear that administrative and legal reforms were not only carried out by male rulers in the Malay Kingdom, but were also made by female rulers of the Malay Kingdom as done in Aceh, Bone, and Patani.

KEY WORD: Reform; Law; Administration; Sultanah; Power and Territory.

About the Authors: Nur Syazwani binti Haji Md Suif ialah Kelulusan Ph.D. Sejarah daripada FASS UBD (Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam); dan Prof. Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah pada FASS dan APB (Akademi Pengajian Brunei) UBD. Alamat emel Penulis: asbolm@gmail.com

Suggested Citation: Suif, Nur Syazwani binti Haji Md & Haji Awang Asbol bin Haji Mail. (2026). "Pemerintah Wanita Kesultanan Melayu (Abad ke-17 Masihi): Tinjauan Reformasi dalam Pentadbiran dan Undang-undang" in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Volume 11(2), August, pp.85-104. Bandung, West Java, Indonesia: Minda Masagi Suci Foundation and ASPENSI, with ISSN 2443-1776 (print) and ISSN 2657-0491 (online).

Article Timeline: Accepted (June 27, 2026); Revised (July 3, 2026); and Published (August 17, 2026).

PENGENALAN

Alam Melayu adalah rantau yang terletak di kepulauan Asia Tenggara.¹ Ia merangkumi Brunei, Malaysia, Indonesia, Singapura, Patani (Selatan Siam), dan Filipina. Meskipun ada sarjana mengatakan rantau ini meliputi dari Pulau Madagaskar di Afrika Timur hingga Kepulauan Pasifik (*cf* Ali, 2008:1-2; Ramli, 2011:213).

Dalam kajian sejarah rantau Alam Melayu, para sarjana membahagikan tempoh penyelidikan mereka kepada empat zaman. *Pertama*, zaman Animism; *kedua*, zaman pengaruh India atau Hindu-Buddha; *ketiga*, zaman Islam; dan *keempat*, zaman pengaruh Barat (Lombard, 1999; Ricklefs *et al.*, 2013).

Antara zaman Animisme sehingga zaman pengaruh Islam dianggap sebagai zaman tradisional. Perkataan “tradisional” dalam konteks ini bermakna suatu zaman di mana masyarakat Melayu belum menerima pengaruh pemodenan Barat secara meluas. Pada zaman tradisional, gaya kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu masih berpegang teguh pada norma dan nilai-nilai tradisi, sama ada dalam aspek politik, sosial, mahupun ekonomi. Zaman tradisional ini berterusan hingga abad ke-19, biarpun dalam tempoh ini pengaruh Barat semakin berkembang di Alam Melayu; namun pengaruhnya belum begitu kuat dan kukuh, kerana nilai-nilai tradisi masih diamalkan dengan baik oleh masyarakat Alam Melayu (Tarling *ed.*, 2008a:513).

Pada zaman animisme, masyarakat Melayu belum berpegang kepada sebarang agama. Mereka hanya mempercayai tentang kewujudan roh-roh nenek moyang, penunggu bukit bukau, hantu, dan sebagainya, yang dipercayai boleh mendatangkan bala dan rahmat. Bagaimanapun, zaman ini tidak begitu jelas, sama ada masyarakat Melayu sudah membentuk kerajaan atau belum dalam tamadun mereka (Ryan, 1971:29).

Apabila pengaruh India datang ke Alam Melayu, yang dianggarkan bermula pada abad ke-2 Masihi,² maka baharu kelihatan masyarakat

¹File “John C. Templer, Esq Royal Hotel, Devonport, No.1, Disember 7, 1838” dalam *Surat-surat James Brooke, Volume 1* (Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2018), ms.13.

²Tempoh kajian ini berlaku pada “Tahun Masihi”. Jika tahun ini tidak terlibat, maka akan dijelaskan seperti “Sebelum Masihi”.

Melayu mempunyai kerajaan. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Alam Melayu telah berjaya mencapai ke peringkat tamadun yang tinggi apabila berhasil membentuk kerajaan. Maklumat tentang pencapaian ini boleh dilihat dari sumber-sumber arkeologi dan laporan-laporan China awal (I-Tsing, 1896:xxx, xxxix, dan 10; Hirth & Rockhill eds., 1912:60-82 dan 147-159; Shuhaimi, 1984:45, 60, dan 65; Salleh, 1987:15-21).

Berdasar sumber-sumber mendapati bahawa masyarakat Melayu telah menubuhkan kerajaan pada abad ke-2 Masihi, yang boleh dilihat antaranya kemunculan Kerajaan Langkasuka yang terletak di Patani, Kedah Tua di Kedah, dan Gangga Negara di Perak (Wheatley, 1961:252; Yatim & Rahman, 1994:3-4). Selain itu, terdapat pula Kerajaan Kutai Martapura di Kalimantan Timur dan Taruma Negara di Jawa Barat, Indonesia. Kedua-dua kerajaan ini dikatakan sudah ada pada abad ke-4 Masihi.

Manakala itu, sumber China juga mencatatkan tentang beberapa kerajaan lain, seperti Tanah Merah di Kelantan pada abad ke-5 Masihi; Sriwijaya di Sumatera pada abad ke-7 Masihi; Mataram-Hindu di Jawa Tengah pada abad ke-9 Masihi; dan Majapahit di Jawa Timur pada abad ke-13 Masihi (I-Tsing, 1896:xxx, xxxix, dan 10; Hirth & Rockhill eds., 1912:60-82 dan 147-159; Wheatley, 1961:14 dan 26; Salleh, 1987:20).

Pada zaman itu, raja-raja Melayu mempunyai kuasa mutlak dan dianggap keturunan Dewa atau Dewa-Raja. Mana-mana rakyat yang derhaka kepada Raja mereka akan menerima hukuman yang berat, sama ada hukuman secara fizikal mahu pun dari sumpahan Dewata mulia raya (Hamid, 1991:49-50; Ali, 2008:13; Tarling ed., 2008a:513; Al-Attas, 2018:11-12).

Pengaruh India yang berteraskan agama Hindu-Buddha kemudiannya beransur-ansur malap dan diganti dengan pengaruh Islam. Agama ini dianggarkan muncul pada abad ke-7 Masihi di Alam Melayu, kemudiannya muncullah kerajaan-kerajaan Islam atau Kesultanan-kesultanan Melayu yang bermula pada abad ke-13 Masihi dan ke-14 Masihi. Dengan itu, Alam Melayu telah memasuki zaman

pengaruh Islam (Ali, 2008).

Apabila kuasa Barat menguasai Alam Melayu bermula pada akhir abad ke-18 Masihi dan semakin meluas pada abad ke-19 Masihi, maka pengaruh Kesultanan-kesultanan Melayu telah mendapat cabaran hebat berbanding dengan penguasaan mereka pada abad ke-16 Masihi. Sungguhpun sistem beraja masih dapat bertahan sebagai pegangan bernegara dan berbangsa Melayu. Namun, ia semakin tercabar dengan kedatangan pengaruh Barat yang membawa berbagai pemodenan ke atas masyarakat Melayu. Pengaruh Barat telah berjaya melunturkan pengaruh Kesultanan Melayu tradisional, bukan sahaja dalam bidang politik tetapi juga sosial dan ekonomi, meskipun masih ada nilai-nilai positifnya (Ali, 2008:2 dan 14-17; Tarling ed., 2008b:80).

Walau bagaimanapun, sehingga kini, kebanyakan para pengkaji sejarah Kesultanan Alam Melayu tradisional masih menumpukan kajian mereka terhadap perkembangan politik kesultanan-kesultanan ini dan meminggirkan isu-isu gender. Salah satu aspek yang kurang mendapat perhatian ialah peranan dan isu wanita dalam sejarah Kesultanan Melayu tradisional. Peranan mereka seolah-olah tidak begitu menonjol berbanding dengan kaum lelaki. Keadaan ini berlaku mempunyai hubungan dengan pandangan stereotaip daripada segi sifat biologi dan sosiologi yang menganggap kaum wanita Alam Melayu tradisional sebagai golongan yang lemah. Pandangan ini agak subjektif dan tidak benar sama sekali, kerana sebahagian daripada mereka telah memainkan peranan yang penting, dan turut menyumbang dan menjadi pemangkin kepada perkembangan tamadun Melayu, bukan sahaja dalam aspek politik, bahkan dalam aspek sosial dan ekonomi (Hashim, 2003; Andaya, 2006:227-228).

Hal ini boleh dibuktikan dari sumber-sumber sejarah dalam bentuk manuskrip-manuskrip lama, kesusasteraan klasik, kitab sejarah, undang-undang, keagamaan, dan kebudayaan akan terserlah bahawa kaum wanita juga turut memainkan peranan dalam bidang politik, sosial, dan ekonomi kesultanan-kesultanan di Alam Melayu. Begitu juga sebahagian daripada sumber-sumber Barat, terutama

catatan-catatan daripada pihak British dan Belanda, ada menghuraikan tentang peranan wanita Alam Melayu tradisional.

Dari sumber-sumber ini jelas wanita zaman Kesultanan Melayu tradisional juga memainkan peranan dalam politik dan undang-undang. Pada dasarnya, aspek politik bolehlah ditakrifkan sebagai hal-hal yang membincangkan tentang isu-isu kenegaraan, kekuasaan, membuat keputusan, dasar-dasar awam (*public policy*), dan pembahagian kuasa (Budiardjo, 1999:8).

Politik juga ditakrifkan sebagai suatu proses yang melambangkan ragam manusia yang mengandungi konflik di antara kebaikan di sebelah pihak dan kehendak-kehendak kumpulan di pihak lain yang perlu diselesaikan. Proses penyelesaian sering kali melibatkan penggunaan kuasa atau pun perebutan kuasa (Fried, 1977:197-199; Ramanathan, 1988:302).

Pada umumnya, politik yang berkaitan dengan hal-hal kenegaraan akan membabitkan isu-isu pemerintahan, pentadbiran, hubungan diplomatik, dan rebutan kuasa. Apabila kuasa politik dapat dipegang oleh setiap penguasa, maka mudah baginya untuk menggubal undang-undang, bukan sahaja untuk mengukuh kuasa politik tetapi juga memastikan keamanan dan keharmonian rakyat dan negara dapat dicapai.

Peranan wanita dalam bidang politik dapat dilihat antaranya seperti yang terakam dalam sejarah Kesultanan Patani, apabila Patani yang terletak di Selatan Siam telah diperintah oleh beberapa orang raja wanita (1584-1686). Seperti pemerintah lelaki, mereka juga mampu menjadi golongan pemerintah yang mampu memajukan negara, sebagaimana yang dilakukan oleh Raja Ijau, 1584-1616; Raja Biru, 1616-1624; Raja Unggu, 1624-1635; dan Raja Kuning, 1635-1688 (Teeuw & Wyatt, 1970:11-20; Jandhyala & Pande, 1987).

Menurut rakaman sejarah Patani, keempat raja-raja wanita ini telah membawa kerajaan mereka kepada kemakmuran. Era pemerintahan mereka juga dikatakan sebagai era kegemilangan apabila negaranya telah berkembang daripada segi ekonomi sehingga menjadi salah satu pelabuhan terpenting di Asia Tenggara (Anwar & Alam, 2016:25-47).

Selain Patani di Selatan Siam, terdapat juga negeri-negeri lain yang mempunyai raja-raja Wanita, seperti di Pasai dan Aceh di Sumatera, Jepara di Jawa Tengah, dan Bone di Sulawesi Selatan, Indonesia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagaimanapun, makalah ini hanya akan fokus kepada peranan politik golongan pemerintah wanita dalam Kesultanan Alam Melayu tradisional dalam tempoh abad ke-17 Masihi. Tumpuan kajian terhadap golongan ini berkaitan dengan peranan mereka dalam melakukan reformasi pentadbiran dan undang-undang, sebagaimana yang berlaku ke atas Kesultanan Aceh, Bone, dan Patani.

Dalam Kesultanan Aceh pada abad ke-17 Masihi, reformasi pentadbiran telah dilakukan oleh Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam (1641-1675). Baginda adalah Sultanah pertama bagi Kesultanan Aceh yang mengambil langkah melaku reformasi ke atas *Qanun Meukuta Alam*, undang-undang dasar Kerajaan Aceh, yang diwujudkan pemerintah sebelum baginda, iaitu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636).

Penggubalan semula ini dibuat bagi memantapkan dan melicinkan lagi pentadbiran Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam menerusi pembentukan tiga lembaga atau badan yang terdiri dari Balai Laksamana, Balai Furdah, dan Balai Musyawarah (Said, 1981:421; HAMKA, 1982:274; Daud ed., 2010:16-23).

Balai Laksamana adalah lembaga yang bertanggungjawab dalam hal-hal pertahanan, yang diketuai oleh seorang Laksamana. Balai Furdah pula berfungsi dalam mengurus hal ehwal kewangan negara, seperti kutipan cukai dan pengeluaran wang tunai. Kedua-dua balai ini mempunyai kedudukan yang tinggi dalam pentadbiran Kesultanan Aceh, kerana kedudukannya berada di kerajaan pusat dan rapat dengan raja. Manakala, Balai Musyawarah, kedudukannya lebih rendah kerana fungsinya lebih berkaitan dengan urusan hal ehwal rakyat dan mempunyai ahli yang ramai.

Balai ini bertanggungjawab dalam bidang pertahanan, keagamaan, dan undang-undang. Oleh kerana mempunyai peranan yang banyak

dan memiliki ahli yang ramai, maka balai ini dipecahkan kepada tiga bahagian, yang dikenali sebagai Balai Rung Sari, Balai Gadeng, dan Balai Majelis Mahkamah Rakyat.

Ketiga-tiga balai ini mempunyai anggota masing-masing yang berbeza jawatan. Balai Rung Sari dianggotai oleh empat orang Hulubalang Besar Aceh. Ini menunjukkan bahawa balai ini memainkan peranan dalam pertahanan dan keselamatan. Sementara itu, Balai Gadeng berperanan dalam hal ehwal keagamaan apabila ia dianggotai oleh dua puluh dua orang Ulama Besar Aceh.

Manakala, Balai Majelis Mahkamah Rakyat dianggotai oleh tujuh puluh tiga orang ahli, yang dilantik dari tujuh puluh tiga buah ketua-ketua mukim. Balai ini bertanggungjawab dalam hal ehwal undang-undang, terutama yang melibatkan hal-hal jenayah dalam kalangan rakyat Aceh (Said, 1981:421; HAMKA, 1982:274; Daud ed., 2010:16-23).

Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam tidak hanya melakukan reformasi dari segi penubuhan Balai Majelis Mahkamah Rakyat, malahan reformasi ini boleh dilihat dari segi ahlinya apabila baginda telah menambah keahlian dalam kalangan wanita menjadi enam belas orang ahli. Satu jumlah yang boleh dianggap besar berbanding dengan apa yang pernah dibuat di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (HAMKA, 1982:274; Daud ed., 2010:16-23).

Pelantikan wanita ini diperlukan kerana hal-hal yang melibatkan mahkamah juga membabitkan kaum wanita, terutama sekali berkenaan dengan isu-isu rumahtangga dan perkahwinan (Hasjmy, 1977:124). Apabila kaum wanita dilantik lebih ramai dalam pentadbiran kerajaan, maka pengaruh mereka dalam pentadbiran kerajaan semakin kukuh berbanding dengan sebelumnya.

Wanita-wanita yang dilantik semasa pentadbiran Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam menganggotai “Balai Majlis Mahkamah Rakyat” adalah seperti berikut: (1) *Si Nyak Bunga*, anggota ke-10; (2) *Si Halifah*, anggota ke-12; (3) *Si Sanah*, anggota ke-16; (4) *Munabinah*, anggota ke-21; (5) *Siti Cahaya*, anggota ke-22; (6) *Mahkiyah*, anggota ke-23; (7) *Si Bukeh*, anggota ke-24; (8) *Si Nyak Ukat*, anggota ke-28; (9) *Si Nyak Puan*, anggota ke-30; (10) *Nadisah*,

anggota ke-38; (11) *Si Jibah*, anggota ke-49; (12) *Uli Puan*, anggota ke-58; (13) *Siti Awan*, anggota ke-59; (14) *Si Nyak Tampli*, anggota ke-62; (15) *Si Mawar*, anggota ke-64; dan (16) *Si Manis*, anggota ke-65 (Hasjmy, 1977:124-126).

Di bawah Balai Majlis Mahkamah Rakyat terdapat lagi sebuah badan atau organisasi yang dikenali sebagai Badan Pekerja Majlis Mahkamah Rakyat. Ia dipimpin oleh Orang Kaya Laksamana Seri Perdana Menteri. Dalam badan ini terdapat sembilan orang ahli wanita. Mereka juga memainkan peranan sebagai penasihat kepada Sultanah, di samping menyuarakan berbagai isu semasa mesyuarat diadakan.

Reformasi yang baginda buat ini bukan sahaja untuk mengemas-kinikan pentadbiran kerajaan, tetapi juga secara langsung untuk mengukuhkan kuasa politik baginda. Dengan penubuhan lembaga yang baharu ini, baginda boleh melantik pembesar-pembesar yang baginda sukai dan dianggap mampu memberikan sokongan politik kepada baginda. Sementara pembesar-pembesar yang dilihat mencurigakan dan tidak menunjukkan perasaan taat setia kepada baginda akan digantikan dengan pembesar yang baharu.

Selain itu, baginda juga ingin mengukuhkan pengaruh politik kaum wanita dalam kerajaan apabila jumlahnya ditambah di samping mengimbangi pengaruh politik pembesar lelaki (Hasjmy, 1977). Ini menunjukkan bahawa Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam adalah seorang pemerintah wanita Aceh yang berdaulat dan berwibawa, kerana berani menggubah stuktur pemerintahan kerajaan, lebih-lebih lagi kesediaan baginda menambah keahlian kaum wanita dalam kerajaan baginda.

Selain Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam, langkah reformasi pentadbirannya juga dilakukan oleh Sultanah Nur al-Alam Naqiat al-Din (1675-1678) dalam Kesultanan Aceh. Baginda memegang tampuk pemerintahan setelah Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam mangkat pada tahun 1675 Masihi. Semasa pemerintahan baginda, reformasi pentadbiran telah dilakukan dengan penubuhan “Sistem Sagi”. Ia diwujudkan atas nasihat Syeikh Abdurrauf, seorang ulama

yang rapat dengan pemerintah Aceh dan berjawatan Mufti Kerajaan, yang bertujuan untuk mengemas-kinikan pentadbiran Kesultanan Aceh. Pentadbiran “Sistem Sagi” ini boleh dianggap sebagai satu reformasi, kerana pemerintah sebelum baginda tidak pernah mewujudkan sistem ini dalam pentadbiran kerajaan.

Sistem Sagi berfungsi sebagai unit sosio-politik kerajaan. Di bawah pentadbiran setiap Sagi terdapat beberapa Mukim, yang digabungkan menjadi satu unit. Pada masa pemerintahan Sultanah Nur al-Alam Naqiat al-Din, sistem pentadbiran Sagi dibahagikan kepada tiga unit yang dikenali sebagai Sagi Dua Puluh Dua Mukim, Sagi Dua Puluh Lima Mukim, dan Sagi Dua Puluh Enam Mukim. Setiap Sagi dipimpin oleh seorang Ketua dikenali sebagai Panglima Sagi. Dengan adanya sistem ini, kuasa pentadbiran setiap sagi dikuasai oleh Panglima Sagi masing-masing. Sementara itu, di bawah kuasa Panglima Sagi terdapat Ketua-ketua Mukim sebagai pembantunya (Braddel, 1851:15 and 22; Van Langen, 1888:392; Said, 1981:404 dan 408-410; Ozay, 2011:146). Dengan cara ini pemantauan dan pengurusan pentadbiran dapat dilakukan dengan lebih teratur dan terarah, kerana jumlah kawasan tidak begitu luas dan bertabur.

Pada zaman pemerintahan Sultanah Nur al-Alam Naqiat al-Din, di antara Panglima Sagi yang dilantik ialah Syeikh Abdurrauf. Di samping tugas-tugas beliau sebagai Mufti Kerajaan, Syeikh Abdurrauf juga bertanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan negara dan juga memastikan segala titah Sultanah dapat dilaksanakan dengan baik (Braddel, 1851:15 dan 22; Van Langen, 1888:394; Said, 1981:404 dan 408-410; Ozay, 2011:146).

Dengan pelantikan Syeikh Abdurrauf, ternyata jawatan Panglima Sagi bagi Kesultanan Aceh, tidak semestinya disandang dalam kalangan mereka yang mahir dalam bidang ketenteraan, tetapi juga dalam kalangan ulama. Dasar ini kelihatan aneh dan jarang dilakukan oleh kesultanan-kesultanan lain di Alam Melayu. Namun bagi Kesultanan Aceh, golongan agama adalah penting kepada mereka kerana mereka berpegang teguh kepada syariat Islam.

Hal inilah yang dilakukan Sultanah Nur al-Alam Naqiat al-Din dalam reformasi pentadbiran kerajaan, kerana baginda beranggapan seorang ulama mestilah seorang yang jujur dan amanah dalam memikul tanggungjawab sebagai pegawai kerajaan. Hal ini berlaku kerana seorang ulama bersifat lebih takwa dan takut kepada hukuman Allah, sebagaimana yang dipelajari melalui *Al-Qur'an* dan *Al-Hadith*. Sebab itulah baginda bersedia melantik Syekh Abdurrauf sebagai Panglima Sagi, di samping tugas-tugas beliau sebagai seorang ulama dan pakar rujuk hal-hal keagamaan dan pentadbiran kerajaan Aceh.

Reformasi pentadbiran juga dapat dilihat dalam Kesultanan Bone di Sulawesi Selatan pada abad ke-17 Masihi, apabila Ratu We Tenrituppu (1602-1611), salah seorang pemerintah wanita yang telah menubuhkan institusi baharu yang dikenali sebagai “Arung Pitu” (Tujuh Pembesar) dalam kerajaannya.

Institusi “Arung Pitu” adalah sistem pentadbiran wilayah Kesultanan Bone, yang dianggotai oleh tujuh orang pembesar kerajaan. Institusi ini perlu diwujudkan memandangkan pada masa itu Kesultanan Bone memiliki jajahan yang luas. Ratu We Tenrituppu telah membahagikan pentadbiran wilayah Bone dalam tujuh bahagian yang dikenali sebagai: Tibojong, Ta', Ujung, Pongceng, Tanete Utara, Tanete Selatan, dan Macege. Pembesar yang dilantik untuk mengetuai setiap wilayah ini dikenali dengan gelaran daerah masing-masing dengan gelaran *Arung*. Sebagai contoh, Daerah Tibojong dikenali sebagai *Arung Tibojong* dan Daerah Ta' dikenali sebagai *Arung Ta'*.

Pembesar-pembesar yang dilantik sebagai ketua wilayah ini bertanggungjawab bukan sahaja dalam hal-hal pentadbiran, bahkan juga dalam hal-hal keselamatan, pertahanan, dan undang-undang. Setiap *Arung* juga bertanggungjawab dalam mengukuhkan ekonomi wilayah masing-masing. Hal ini boleh dilihat apabila pembesar-pembesar berkenaan bertanggungjawab dalam pembangunan pertanian, kutipan cukai, dan kegiatan perdagangan. Pemantauan terhadap kemajuan pertanian ini boleh dianggap sebagai satu reformasi pentadbiran yang dilakukan oleh Ratu We Tenrituppu kerana sebelum baginda, perkara ini tidak pernah dilakukan. Ini

menunjukkan baginda mengambil berat terhadap bidang pertanian, kerana baginda menyedari ia boleh menyumbang kepada pendapatan dan ekonomi, bukan sahaja di peringkat wilayah tetapi juga di peringkat kerajaan pusat (Macknight, Paeni & Hadrawi eds., 2020:99-100).

Pentadbiran wilayah institusi *Arung Pitu* ini kelihatannya berbeza dengan pentadbiran wilayah tradisional Brunei, kerana wilayah-wilayah yang ditadbir dalam Kesultanan Bone bukan menjadi milik mereka. Pembesar-pembesar ini hanya wakil kepada Ratu, tetapi bagi Kesultanan Brunei, pentadbiran wilayahnya dibahagikan kepada kaum kerabat Sultan di mana wilayah ini menjadi milik mereka. Wilayah-wilayah Kesultanan Brunei dikenali sebagai *Sungai Kuripan*, *Sungai Kerajaan*, dan *Sungai Tulin*.

Wilayah yang berstatus *Sungai Kerajaan* adalah milik kepada Sultan yang memerintah; sementara itu wilayah berstatus *Sungai Kuripan* milik kepada Wazir, pegawai kanan Sultan. Kedua-dua wilayah ini tidak boleh diwariskan kerana pemilikannya atas kapasiti jawatan yang dipegang. Manakala itu wilayah yang dikenali *Sungai Tulin* boleh menjadi milik kepada Sultan, Wazir, Ceteria, dan golongan Pengiran mempunyai tali persaudaraan yang rapat dengan Sultan. Wilayah ini boleh diwarisi oleh keturunan mereka masing-masing (Mail, 2011:107-110).

Reformasi pentadbiran juga berlaku dalam Kesultanan Patani di Selatan Siam, apabila ia dilakukan oleh Raja Ungu (1624-1635). Reformasi ini dapat dilihat apabila baginda melantik seorang pegawai British bernama John Smith sebagai penasihat dalam pentadbiran kerajaan Patani. Beliau diberi tugas untuk meningkatkan kemajuan sektor perdagangan dan hubungan antarabangsa. Boleh dikatakan bahawa lantikan pegawai kerajaan dalam kalangan orang Barat pertama kali berlaku dalam Kerajaan Patani.

Lantikan seperti ini tidak pernah dibuat pada zaman sebelum pemerintahan Raja Ungu, kerana sikap curiga dan waspada ke atas bangsa asing yang datang ke Patani. Kerajaan harus mengambil sikap berjaga-jaga dengan kedatangan mereka, yang dikhuatiri boleh

menjejaskan kedaulatan negara, di samping bimbang kepada pengaruh dakwah agama Kristian.

Reformasi ini dibuat kerana Raja Unggu melihat John Smith mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang perdagangan dan hubungan antarabangsa. Baginda kelihatannya seorang yang berfikir di luar kotak dan menentang arus dalam dasar pentadbirannya, apabila baginda berani melantik seorang pegawai Barat yang beragama Kristian (Hale, 1909:167 dan 171-176).

Selain daripada Sultanah-sultanah di Alam Melayu melakukan reformasi dalam pentadbiran kerajaan, mereka juga melakukan penggubalan atau perubahan-perubahan dalam undang-undang kerajaan, sebagaimana yang dilakukan oleh pemerintah Aceh dan Patani. Pada umumnya, undang-undang merujuk kepada susunan peraturan dan ketentuan yang digubal oleh badan yang berkuasa, seperti seorang raja yang memerintah pada masa itu. Ia bertujuan untuk memastikan negara berada dalam keadaan aman dan sejahtera terhindar daripada sebarang perbuatan jenayah dan kekacauan (DBP, 2011).

Dalam masyarakat Melayu tradisional, undang-undang itu dikategorikan kepada dua, iaitu undang-undang bertulis dan tidak bertulis (seperti adat resam). Undang-undang ini merangkumi peraturan-peraturan hukum, adat resam, dan kanun yang digubal bagi menjaga keamanan dan perpaduan masyarakat dalam sesebuah kerajaan. Pada zaman tradisional, Raja yang memerintah memegang peranan sebagai Ketua Undang-undang (Usman, 2005:28).

Penggubalan dan pembaharuan undang-undang yang berlaku dalam kerajaan Aceh telah dilakukan oleh Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam. Baginda telah melakukan reformasi undang-undang apabila baginda memperkenalkan undang-undang khusus bagi wanita yang tertindas akibat daripada kes-kes rumahtangga. Penggubalan dan pembaharuan undang-undang ini dibuat bagi memberikan pembelaan dan keadilan ke atas kaum wanita daripada penindasan kaum lelaki. Mereka sering menjadi mangsa, kerana dianggap golongan lemah. Dalam kehidupan mereka juga pada ketika itu terpaksa bergantung kepada kaum lelaki, kerana rata-rata mereka tidak mempunyai

pekerjaan. Kebanyakan mereka hanyalah berperanan sebagai suri rumah tangga (Usman, 2005:126-128).

Oleh itu, Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam tidak mahu melihat kaum wanita menderita, terabai, dan tertindas apabila berbangkit isu-isu rumahtangga seperti kes penceraian. Kes seperti ini perlu ditangani dengan baik melalui undang-undang agar kehidupan golongan wanita dapat dibela. Hal ini penting, lebih-lebih lagi dalam hal menampung sara hidup dirinya dan keluarganya.

Ternyata Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam adalah seorang pemerintah wanita yang mahu memperjuangkan hak-hak kaum wanita. Baginda cuba memberikan keadilan kepada golongan wanita yang dilihat sering menjadi mangsa kepada tekanan kaum lelaki, antaranya seperti undang-undang berikut:

1. Tiap-tiap orang tua haruslah menyediakan sebuah rumah (menurut kadarnya) kepada anaknya yang perempuan, kalau dia telah dipersuamikan (dikahwinkan), rumah itu diserahkan menjadi milik si-anak.
2. Kecuali rumah (selain rumah), juga harus diberi barang sepetak sawah (diberi ladang padi), sebidang kebun, dan seutas emas.
3. Si-suami harus membawa sepetak sawah kepada isterinya dan menjadi hak-milik si-isteri dan sekedar pakaian emas.
4. Si-suami harus tinggal bersama isteri di rumah isterinya.
5. Selama mereka masih tetap hidup rukun-damai, maka segala harta itu (rumah, sawah, kebun yang berasal dari kedua pihak) menjadi milik bersama.
6. Harta kekayaan yang didapatinya selama masa dalam perkawinan, adalah menjadi milik bersama, ertinya 50% menjadi milik si-suami dan 50% menjadi milik si-isteri.
7. Apabila terjadi penceraian, maka si-suami harus pergi dari rumah isterinya, dan harta-harta pembawaannya (sawah, kebun, dan sekedar emas) waktu dia mula-mula kawin, haruslah menjadi hak-milik si-isteri, sementara harta yang didapatinya selama masa dalam perkahwinan, dibagi dua, iaitu 50% boleh dibawanya/diambilnya.
8. Selama masa *iddah* setelah perceraian, segala nafkah hidup si-isteri menjadi tanggungjawab bekas suami (Usman, 2005:126-128).

Berdasarkan undang-undang itu, maka jelaslah bagaimana peranan seorang pemerintah wanita boleh merubah keadaan kaum wanita supaya dapat mengharungi kehidupan yang lebih baik, terutama yang berkaitan dengan hal-hal rumahtangga. Dalam konteks ini dapat

dilihat melalui pembaharuan undang-undang yang dilakukan oleh Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam, ternyata kaum wanita telah mendapat pembelaan yang berpatutan. Ia adalah satu langkah bagi menghindarkan kaum wanita dari kesengsaraan hidup, terutama sekali apabila berlakunya krisis rumahtangga (Djajadiningrat, 1911:189; Said, 1981:414; Veth, 1983:233; Sufi, 1994:58).

Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam telah menggunakan pengaruh kuasa dan daulat baginda sebagai seorang pemerintah dalam memberikan keadilan dan pembelaan ke atas kaum wanita yang boleh dianggap jarang berlaku pada zaman tersebut (Subadio & Ihroni eds., 1983; Hashim, 1996).

Peranan pemerintah wanita dalam menggubal dan membaharui undang-undang juga berlaku dalam Kerajaan Patani di Siam Selatan. Ia terjadi di zaman pemerintahan Raja Ijau (1584-1616), apabila baginda mengeluarkan satu undang-undang perdagangan baharu yang menegaskan tentang kepentingan keselamatan dan pemantauan pada tahun 1619 Masihi. Penggubalan ini dilakukan sebagai langkah menjaga keselamatan para pedagang dan para pengguna daripada sebarang kekacauan dan huru-hara. Baginda telah mengambil iktibar daripada huru-hara yang telah dicetuskan oleh pedagang-pedagang Belanda dan British di pelabuhan Patani.

Konflik itu berlaku akibat daripada persaingan perdagangan antara kedua-dua pedagang Barat. Belanda memang terkenal dalam dasar perdagangan monopolinya. Dasar ini memang dibenci oleh British, kerana boleh menyekat kegiatan perdagangan mereka daripada meluas ke merata Alam Melayu. Pertikaian ini telah menjejaskan kesejahteraan para penduduk dan para pedagang lain yang berada di Patani ketika itu. Raja Ijau bimbang konflik akan berlarutan dan merebak, jika ia berlaku sudah tentu menjejaskan ekonomi Patani, khususnya dalam sektor perdagangan. Para pedagang lain tidak akan mahu datang ke pelabuhan Patani, kerana keselamatan mereka terancam. Lagipun pada masa itu, Patani mempunyai reputasi yang baik sebagai pusat perdagangan antarabangsa di Alam Melayu. Ia perlu dijaga dan dipertahankan.

Dengan yang demikian, Raja Ijau telah mengambil langkah menggubal undang-undang keselamatan dan pemantauan perdagangan. Di bawah undang-undang ini, setiap aktiviti berkaitan dengan perdagangan akan diawasi dan dikawal ketat oleh pegawai-pegawai kerajaan yang khas. Undang-undang perlu diwujudkan untuk menjaga keamanan dan menghindari situasi tegang akibat daripada persaingan perdagangan di kalangan pedagang-pedagang antarabangsa, terutama pedagang Belanda dan British.

Selain itu, undang-undang juga sebagai jaminan supaya kegiatan perdagangan dapat dilakukan dalam suasana adil dan dalam bentuk persaingan sihat tanpa timbul isu monopoli perdagangan. Dasar monopoli dalam perdagangan dilihat oleh Raja Ijau boleh menimbulkan kekacauan. Oleh itu, undang-undang bukan sahaja melarang kegiatan monopoli perdagangan, tetapi juga menekankan aspek keselamatan (Syukri, 1985:21-22).

RUMUSAN

Dari pembicaraan di atas ternyata wanita dari kalangan golongan pemerintah Alam Melayu tradisional (abad ke-17 Masihi) telah menunjukkan kemampuan dalam melakukan reformasi pentadbiran dan penggubalan undang-undang. Pemerintah-pemerintah wanita Aceh di Sumatera, Bone di Sulawesi Selatan, dan Patani di Siam Selatan telah berjaya melakukan reformasi pentadbiran hingga menghasilkan pentadbiran yang cekap dan berkesan.

Dengan senario yang demikian, makanya pemerintahan mereka berada dalam landasan yang betul hingga wujud suasana stabil dan teratur. Hal ini boleh dilihat dari Kesultanan Aceh apabila Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam telah melakukan reformasi struktur pentadbiran dengan melantik ramai kaum wanita dalam pentadbiran kerajaan, sehingga pengaruh mereka begitu ketara dan seimbang dengan pembesar lelaki. Begitu juga Sultanah Nur al-Alam Naqiat al-Din apabila baginda mengasaskan Sistem *Sagi* bagi melicinkan pentadbiran kerajaannya di Aceh.

Selain itu, Ratu We Tenrituppu dari Kesultanan Bone juga telah menubuhkan institusi “Arung Pitu” (Tujuh Pembesar) sebagai

langkah reformasi dalam pentadbiran baginda. Bahkan juga Raja Ungu dari Patani yang telah melakukan reformasi dalam struktur pentadbiran apabila melantik seorang pegawai British sebagai penasihat baginda. Lantikan ini tidak pernah dibuat pada zaman sebelumnya.

Manakala itu dalam reformasi undang-undang yang dilakukan oleh pemerintah wanita Alam Melayu tradisional boleh dilihat sebagaimana yang dilaku di Aceh dan Patani. Di Aceh telah dilakukan oleh Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam, apabila baginda menggubal dan membaharui balik *Qanun Meukuta Alam*, khususnya yang berkaitan dengan kaum wanita. Penggubalan dan pembaharuan undang-undang ini dibuat bagi membela kaum wanita daripada tertindas oleh kaum lelaki, akibat daripada kes-kes rumahtangga.

Peranan raja wanita dalam menggubal dan membaharui undang-undang juga dapat dilihat sebagaimana yang dimainkan oleh Raja Ijau dari Patani. Undang-undang ini menekankan kepentingan keselamatan dan pemantauan kegiatan perdagangan. Langkah ini diambil bagi menjamin agar kegiatan perdagangan dapat dilakukan dengan baik dan teratur tanpa ada kegiatan monopoli perdagangan, seperti yang dilakukan oleh pedagang Belanda.

Dengan itu jelaslah bahawa reformasi pentadbiran dan undang-undangnya bukan sahaja dilakukan oleh pemerintah lelaki di Alam Melayu, tetapi juga telah dibuat oleh pemerintah-pemerintah wanita Alam Melayu, sebagai yang dilakukan oleh di Aceh, Bone, dan Patani. Ia boleh dianggap sebagai satu ukuran pencapaian sebagai pemerintah yang berwibawa dan berdaulat, meskipun mereka dari golongan wanita yang dianggap lemah. Mereka juga sebenarnya berupaya untuk mengangkat tamadun bangsa Melayu.

Referensi

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2018). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Ali, Syed Husin. (2008). *The Malays: Their Problems and Future*. Kuala Lumpur: The Other Press.

- Andaya, Barbara Watson. (2006). *The Flaming Womb: Repositioning Women in Early Modern Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Anwar, Suhadan & Salmah Jan Noor Alam. (2016). "Perhubungan Gender dalam Masyarakat Tradisional Berdasarkan Hikayat Patani (Gender Relations in Traditional Society Based on Hikayat Patani)" dalam *Journal of Business and Social Development*, Vol.4, No.2, ms.25-47.
- Braddel, T. (1851). "On the History of Acheen" in *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Volume 5, pp.15-25, Published in Singapore and Translated by J.R. Logan.
- Budiardjo, Miriam. (1999). *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Daud, Darni M. [ed]. (2010). *Qanun Meukuta Alam: Dalam Syarah Tadhkirah Tabaqat Tgk. di Malek dan Komentarnya*. Banda Aceh: Syiah Kuala University Press, Terjemahan dari Arab-Melayu ke Latin oleh M.K. Daud & T.A. Sakti.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka]. (2011). *Kamus Dewan Bahasa*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi 2.
- Djajadiningrat, R.A. Hoessein. (1911). "Critisch Overzicht van de in Maleische Werken Vervatte Gegevens over de Geschiedenis van het Sultanaat van Atjeh" in *Bijdragen tot de Taal-, Land -en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie [Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia]*, Vol.65, No.1, pp.135-211.
- File "John C. Templer, Esq Royal Hotel, Devonport, No.1, Desember 7, 1838" dalam *Surat-surat James Brooke, Volume 1* (Kuala Lumpur: Geroda Merah Press, 2018), ms.13.
- Fried, Morton H. (1977). "Antropologi dan Kajian Politik" dalam Sol Tax [ed]. *Bidang-bidang Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- Hale, A. (1909). *The Adventures of John Smith in Malaya, 1600-1605*. Leyden: Late E.J. Brill.
- Hamid, Ismail. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- HAMKA [Haji Abdul Malik Karim Amrullah]. (1982). *Dari Perbendaharaan Lama*. Jakarta: Penerbit Panjimas.
- Hashim, Ruzy Suliza. (1996). "The Question of Succession: The Role of Women in Traditional Malay Court Politics" in *Deep South*, Vol.2, No.3 [Spring]. Available online also at: otago.ac.nz/deepsouth/vol2no3/ruzy.html [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: March 11, 2024].
- Hashim, Ruzy Suliza. (2003). *Out of the Shadows: Women in Malay Court Narratives*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Hasjmy, A. (1977). *59 Tahun Aceh Merdeka Dibawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hirth, Friedrich & W.W. Rockhill [eds]. (1912). *Chau Ju-Kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries, Entitled Chu Fan Chi*. St. Petersburg: Printing Office of the Imperial Academy of Sciences, Translation.

- I-Tsing. (1896). *A Record of Buddhist Religion as Practiced in India and the Malay Archipelago (A.D. 671-695)*. Oxford: Clarendon Press, Translated by J. Takakusu.
- Jandhyala, Kameswari & Rekha Pande. (1987). "What is Women's History?" in *Proceedings of the Eleventh Sessions, Andhra Pradesh History Congress in Nagaram, India*.
- Lombard, Denys. (1999). *Nusa Jawa Silang Budaya*, 3 Jilid. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, Terjemahan.
- Macknight, Campbell, Mukhlis Paeni & Mukhlis Hadrawi [eds]. (2020). *The Bugis Chronicle of Bone*. Canberra, Australia: ANU [Australian National University] Press.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei Abad ke-19 Masihi: Politik dan Struktur Pentadbiran*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ozay, Mehmet. (2011). "Women as Rulers Phenomenon in Southeast Asian Islamic Society: The Queens of Aceh" in *World Journal of Islamic History and Civilization*, Vol.1, No.3, pp.142-151.
- Ramanathan, K. (1988). *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli, Zuliskandar. (2011). "Rumpun Melayu di Madagascar" dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman *et al.* [Zuliskandar Ramli, Mohammad Zain Musa & Adnan Jusoh] [eds]. *Alam Melayu: Satu Pengenalan*. Bangi: Institut ATMA UKM [Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Ricklefs, M.C. *et al.* [B. Lockhart, A. Lau, P. Reyes & M. Aung-Thwin]. (2013). *Sejarah Asia Tenggara: Dari Masa Pra-Sejarah sampai Kontemporer*. Jakarta: Komunitas Bambu, Terjemahan.
- Ryan, N.J. (1971). *The Cultural Heritage of Malaya*. Kuala Lumpur: Longmans.
- Said, Mohammad. (1981). *Aceh Sepanjang Abad, Jilid 1*. Medan: P.T. Percetakan dan Penerbitan.
- Salleh, Nik Mohamed bin Nik Mohd. (1987). "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" dalam Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd Rahman [ed]. *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Shuhaimi, Nik Hassan. (1984). "Art, Archaeology, and the Early Kingdoms in the Malay Peninsula and Sumatra, c. 400--1400 A.D.". *Unpublished Ph.D. Thesis*. London: SOAS [School of Oriental and African Studies], University of London.
- Subadio, M.U. & T.O. Ihroni [eds]. (1983). *Peranan dan Kedudukan Wanita di Indonesia*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Sufi, Rusdi. (1994). "Sultanah Safiatuddin Syah" dalam I. Sofian, M.H. Basry & T.I. Alfian [eds]. *Wanita Utama Nusantara dalam Lintasan Sejarah*. Jakarta: Jayakarta Agung Offset.
- Syukri, Ibrahim. (1985). *History of the Malay Kingdom of Patani*. Ohio USA [United States of America]: Ohio University, Center for International Studies, Monographs in International Studies Southeast Asia Series, No.68, Translated by Conner Bailey & John N. Miksic.
- Tarling, Nicholas [ed]. (2008a). *The Cambridge History of Southeast Asia, Volume 1: From Early Times to c. 1800*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Tarling, Nicholas [ed]. (2008b). *The Cambridge History of Southeast Asia, Volume 2: The Nineteenth and Twentieth Centuries*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Teeuw, A. & D.K. Wyatt. (1970). *Hikayat Patani: The Story of Patani*. The Hague: KITLV Press.
- Usman, Abdullah Sani. (2005). *Nilai Sastra Ketatanegaraan dan Undang-undang dalam Kanun Syarak Kerajaan Aceh dan Bustanus Salatin*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Van Langen, K.F.H. (1888). "De Inrichting van het Atjehsche Staatsbestuur Onder het Sultanat" in *BKI: Bijdragen tot de Taal-, Land -en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie [Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia]*, Vol.37, Transliterated by Rusdi Sufi & Muhammad Gade Ismail in 1994.
- Veth, P.J. (1983). "Vrouwen Regeringen in de Indische Archipel" [Pemerintahan Wanita di Kepulauan Nusantara] dalam M.U. Subadio & T.O. Ihroni [eds]. *Peranan dan Kedudukan Wanita di Indonesia*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Wheatley, Paul. (1961). *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula Before A.D. 1500*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Yatim, Othman Mohd & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman. (1994). *Beruas: Kerajaan Melayu Kuno di Perak*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn Bhd.



Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam daripada Kesultanan Aceh

(Sumber: <https://www.google.com/search?q=Sultanah+Safiyatuddin+Taj+al-Alam>,
14/07/2026)

Di Aceh telah dilakukan oleh Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam, apabila baginda menggubal dan membaharui balik *Qanun Meukuta Alam*, khususnya yang berkaitan dengan kaum wanita. Penggubalan dan pembaharuan undang-undang ini dibuat bagi membela kaum wanita daripada tertindas oleh kaum lelaki, akibat daripada kes-kes rumahtangga.